

30 JUL 2001

Mahathir-Hakim

BADAN KEHAKIMAN JUGA PERLU PATUH PERATURAN, KATA DR MAHATHIR

KOTA KINABALU, 30 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak akan campur tangan dalam urusan badan kehakiman di negara ini tetapi badan itu sendiri harus bergerak berlandaskan undang-undang dan peraturan.

"Hakim memanglah bebas di negara kita ini. Kita tidak cuba mempengaruhi hakim, apabila sahaja mereka dilantik, maka mereka bebas dalam menjalankan tugas-tugas mereka.

"Kita hanya bertanggungjawab setakat pelantikan mereka. Walaupun mereka bebas, mereka tidak terlepas daripada undang-undang dan peraturan," katanya pada majlis kesyukuran bersama rakyat bagi meraikan kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Likas baru-baru ini.

Katanya imej badan kehakiman negara akan terhakis jika penghakiman terhadap kes-kes dibuat kerana dipengaruhi keadaan tertentu di luar daripada kes yang sedang didengar.

"Janganlah fikir oleh kerana tidak akan ada rayuan kepada kes yang didengar olehnya maka keputusan boleh dibuat dengan kepercayaan bahawa tidak akan ada rayuan kepada penghakimannya," kata beliau.

"Kalau dibuat keputusan semata-mata kerana tidak ada rayuan (terhadap penghakiman itu) maka imej badan kehakiman Malaysia akan terhakis.

"Walaupun mereka berkuasa penuh tetapi kuasa itu mesti diguna secara bijak dan teratur dan mengikut undang-undang negara," kata Perdana Menteri.

Sambil merujuk kepada penghakiman yang membawa kepada pilihan raya kecil Likas, Perdana Menteri berkata sebelum ini semua mahkamah menerima senarai pemilih yang diiktiraf oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR).

"Tetapi entah bagaimana apabila dibuat pengaduan berkenaan dengan kemenangan BN di Likas (pada pilihan raya negeri 1999), tiba-tiba mahkamah meminta supaya senarai itu disemak olehnya walhal ia tidak pernah disemak oleh mahkamah-mahkamah lain," kata beliau.

Sambil menyifatkan perkara itu sebagai tindakan yang ganjil, Perdana Menteri juga berkata ada juga perkara yang tidak kena-mengena dengan kes yang dibicara telah dimasukkan dalam pengadilan.

Katanya rakyat kini banyak mempersoalkan badan kehakiman tetapi setakat mana yang boleh, kerajaan tidak akan campur tangan dalam urusan badan itu.

-- BERNANMA

JS NMO